

Mesej Tiga

Mempersiapkan Diri Kita untuk Kedatangan Tuan dengan Memberi Perhatian kepada Kata Penyabda seperti kepada Pelita yang Bersinar di Tempat Gelap hingga Menyingsingnya Fajar dan Terbitnya Bintang Fajar dalam Hati Kita

Bacaan Bible: 2 Ptr. 1:19; Mzm. 119:105, 130; Wahi 2:28; Mal. 4:2; 1 Tes. 5:4-6

- I. Memang amat penting bagi percayawan memberi perhatian kepada kata penyabda—2 Ptr. 1:19a:**
 - A. Kata penyabda ialah hal-hal yang dituntut Tuhan agar kita mengetahuinya, dan percayawan harus memberi perhatian kepadanya—1 Ptr. 1:10; 2 Ptr. 3:2; Luk. 1:70.
 - B. Tuan Yesus mengarahkan kita agar memahami kata penyabda; ini jelas menunjukkan bahawa percayawan harus memberi perhatian kepada kata penyabda dalam Bible—Mat. 24:15; bd. Dan. 9:24-27.
 - C. Jika gereja tidak memberi perhatian yang secukupnya kepada kata penyabda, banyak percayawan pasti akan kehilangan iktikad, terpedaya oleh dusta, terhapus kerana kekurangan pengetahuan itu, dan terlupa akan kedatangan Tuan disebabkan tidak berjaga-jaga—Hos. 4:6; 1 Tes. 5:4-6; Mat. 24:42; 1 Ptr. 5:8.
 - D. Jika percayawan tidak mempunyai nubuat (kata penyabda) dalam Bible, mereka akan jatuh ke dalam kegelapan—Kis. 26:18; Yoh. 12:35-36; Ef. 5:8-9:
 1. Zaman ini ialah waktu malam—Roma 13:12; 1 Tes. 5:4-8.
 2. Apabila Tuan Yesus datang, fajar akan menyingsing (2 Ptr. 1:19c); zaman yang akan datang, iaitu zaman kingdom, akan menjadi siang hari.
- II. Petrus menyamakan nubuat (kata penyabda) dalam Kitab dengan pelita yang bersinar di tempat gelap—ay. 19b:**
 - A. Ini menunjukkan bahawa zaman ini ialah tempat yang gelap pada malam yang gelap (Roma 13:12), dan semua orang di dunia ini pula bergerak dan bertindak dalam kegelapan (bd. Kis. 26:18).
 - B. Kata penyabda daripada Kitab adalah seperti pelita yang bersinar bagi percayawan, memberi cahaya rohani yang bersinar dalam kegelapan mereka (bukan sahaja pengetahuan dalam huruf untuk pemahaman mental mereka), membimbing mereka masuk ke dalam hari siang yang cerah, malah menempuh malam yang gelap hingga menyingsingnya fajar penampilan diri Tuan—2 Ptr. 1:19b; 2 Tim. 4:8; 1:12.
 - C. Sebelum munculnya Tuan sebagai cahaya matahari, kita memerlukan kata ini sebagai cahaya untuk menyinari langkah-langkah kita—Mal. 4:2; Mzm. 119:105, 130.
 - D. Jika kita memberi perhatian kepada kata penyabda dalam Bible yang bersinar seperti pelita di tempat gelap, Kristus akan terbit dalam hati kita untuk bersinar dalam kegelapan—2 Ptr. 1:19b.
- III. Kita perlu memberi perhatian kepada pelita yang bersinar di tempat gelap, hingga menyingsingnya fajar dan terbitnya bintang fajar dalam hati kita—ay. 19c:**
 - A. Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai “tempat gelap” juga boleh diterjemahkan sebagai “tempat suram”, iaitu tempat yang sangat kotor, kering, dan terbiar.
 - B. *Menyingsingnya fajar* ialah metafora yang mengilustrasikan masa yang akan datang yang penuh dengan cahaya, seperti hari mulai cerah, dengan terbitnya bintang pagi sebelum menyingsingnya fajar dalam hati percayawan yang

diterangi dan dicahayai dengan memberi perhatian terhadap kata-kata nubuat yang bersinar dalam Kitab:

1. Ini akan menyebabkan dan menggalakkan percayawan mencari hadirat Tuan dengan sungguh-sungguh, dan berjaga-jaga supaya mereka tidak ditinggalkan Tuan dalam bahagian tersembunyi kedatangan (*parousia*) Tuan, ketika Dia datang seperti pencuri—Mat. 24:27 dan nota kaki 1, ay. 42-43; 2 Tes. 2:8 dan nota kaki 3.
 2. Metafora ini semestinya menyiratkan zaman yang akan datang, iaitu zaman kingdom, seperti fajar yang akan menyingsing semasa penampilan (kedatangan) Tuan sebagai Suria keadilbenaran; cahaya-Nya akan bersinar menembusi kekelaman malam gelap zaman ini—Mal. 4:2.
- C. Bintang fajar muncul sebelum waktu yang paling gelap, sebelum fajar—Wahi 22:16b; bd. Bil. 24:17; Mat. 2:2, 9-10:
1. Ini menunjukkan bahawa Kristus akan muncul sebagai bintang fajar yang terang pada masa yang paling gelap, sebelum pengakhiran zaman ini—Wahi 22:16b.
 2. Penampilan diri Tuan sebagai bintang fajar dan penampilan diri-Nya sebagai Suria keadilbenaran bukanlah pada masa yang sama—2:28; Mal. 4:2:
 - a. Bintang fajar muncul sebelum menyingsingnya fajar, dan matahari muncul selepas fajar menyingsing.
 - b. Sebagai Suria keadilbenaran selepas fajar menyingsing, Kristus akan muncul secara terbuka kepada semua umat-Nya di bumi—ay. 2.
 - c. Sebagai bintang fajar yang terang sebelum fajar menyingsing, Dia akan muncul secara peribadi kepada pejayeng yang berjaga-jaga, bersiap sedia, dan menantikan-Nya—Wahi 22:16b.
 - d. Dia akan memberi diri-Nya secara tersembunyi sebagai bintang fajar kepada orang yang mengasihi-Nya dan yang berjaga-jaga serta menantikan-Nya, supaya mereka terdahulu merasai kesegaran hadirat-Nya pada perkembalian-Nya setelah ketiadaan-Nya yang sekian lama—2:28.
- D. Apabila kita memberi perhatian kepada sabda dalam Kitab seperti kepada pelita yang bersinar di tempat gelap, dalam kita akan ada keadaan seperti menyingsingnya fajar dan terbitnya bintang fajar dalam hati kita—2 Ptr. 1:19c:
1. Secara kiasan, *menyingsingnya fajar* merujuk kepada zaman kingdom yang akan datang seperti hari mulai cerah—bd. Mat. 13:43.
 2. Berkenaan tamsil bagi Kristus, seluruh Bible bermula dengan Dia sebagai cahaya dan berakhir dengan Dia sebagai bintang fajar—Kej. 1:3; Wahi 2:28; 22:16b.
 3. *Bintang fajar* merujuk kepada Kristus yang akan terbit secara tersembunyi dalam hati orang yang mengasihi penampilan diri-Nya pada waktu malam yang paling gelap, sebelum menyingsingnya zaman kingdom—ay. 16b.
 4. Jika kita sentiasa memberi perhatian kepada sabda yang bersinar dalam Kitab, kita akan mempunyai kingdom seperti fajar yang menyingsing dalam kita dan Kristus sebagai bintang fajar yang terbit dalam hati kita sebelum penampilan diri-Nya yang sebenar sebagai bintang fajar yang terang—2 Ptr. 1:19; Wahi 2:28.
 5. Kristus sebagai bintang fajar akan diberi kepada pejayeng sebagai ganjaran pertama bagi mereka; kita perlu mempersiapkan diri kita untuk penampilan diri Tuan secara tersembunyi sebagai bintang fajar—ay. 28-29.